

MAHATHIR-LADANG

(1)

DARI REJAL ARBEE

1982

NUKU'ALOFA (TONGA), 8 JUN (BERNAMA)--KERAJAAN AKAN MENCADANGKAN KEPADA BEBERAPA SYARIKAT PERLAEANGAN BESAR TERTENTU DI MALAYSIA SEPERTI GUTHRIE DAN HARRISON AND CROSFIELDS SUPAYA MELABUR DALAM PEMBUKAAN LADANG-LADANG DI TONGA.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERITAHU WARTAWAN BERNAMA DAN RTM YANG MENGIRINGI BELIAU BAWA TONGA BERMINAT UNTUK MENDAPATKAN PELABURAN MALAYSIA.

INI ADALAH HASIL DARIPADA RUNDINGAN DENGAN PERDANA MENTERI TONGA PUTERA TU'I-PELEHAKI DAN MENTERI HAL EHVAL LUAR DAN PERTAHANAN RAJA MUDA TUPOUTO'A DI SINI PAGI INI.

HADIR DI PERBINCANGAN SELAMA SEJAM ITU IALAH MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK ABDULLAH AHMAD BADAWI, KETUA PENGARAH UNIT PERANCANGAN EKONOMI TAN SRI ISHAK PATEH AKHIR, KETUA PENGARAH UNIT PENYELARASAN PERLAKSANAAN DATUK SUFFIAN ABDUL MAJID, TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA WISMA PUTRA ENCIK MUSTAFA DATUK MAHMUD DAN TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN ENCIK NORDIN HASSAN.--BERSAMBUNG

1012/NB

B508

MAHATHIR-LADANG 2 NUKU'ALOFA

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PELABURAN BERKENAAN BOLSHLAH DALAM BENTUK PEMBUKAAN LADANG-LADANG GETAH, KELAPA SAWIT, KELAPA DAN LAIN-LAIN TANAMAN DI SAMPING TERNAKAN IKAN DAN UDANG.

DI RUNDINGAN INI, PERDANA MENTERI MENJELASKAN TENTANG BERBAGAI-BAGAI KEMUDAHAN YANG DIPUNYAI OLEH MALAYSIA YANG MUNGKIN BERGUNA DAN SESUAI KEPADA IKLIM DAN PEMBANGUNAN TONGA.

IA MELIPUTI PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN, KEMUDAHAN-KEMUDAHAN LATIHAN SEPERTI MAKTAB STAF ANGKATAN TENTERA SERTA LATIHAN DALAM PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN LADANG-LADANG.

BELIAU JUGA TELAH MENAWARKAN KEMUNGKINAN PENGGUNAAN JENIS-JENIS KELAPA MAWA DARI MALAYSIA UNTUK DIUSAHAKAN DI TONGA. TONGA TELAH PUN MENGIMPORT KELAPA POKOK RENDAH DARI MALAYSIA.

LANGKAH SETERUSNYA IALAH MENGIMPORT KELAPA MAWA UNTUK LADANG-LADANG KELAPANYA KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR. (EKONOMI TONGA BERGANTUNG SEBAHAGIAN BESARNYA KEPADA TANAMAN KELAPA YANG PADA MASA INI MERUPAKAN 60 PERATUS DARIPADA PENDAPATAN EKSPORTSANYA.

--BERSAMBUNG 1025/NB

MAHATHIR-LADANG 3 NUKU'ALOFA

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA BELIAU TELAH MENGUNDANG PERDANA MENTERI, MENTERI-MENTERI DAN PARA PEGAWAI UNTUK MELAWAT MALAYSIA BAGI MENINJAU KEMAJUA DI SANA.

+SEKIRANYA MEREKA MENDAPATI PEMBANGUNAN YANG DILAKSANAKAN OLEH MALAYSIA ADALAH BERGUNA DAN MENGENAL PARTI BIDANG YANG MEREKA MINATI, KITA AKAN MENYEDIKANNYA KEPADA TONGA.+

BELIAU MENJANGKAKAN UNTUK MENGADAKAN LEBIH BANYAK PERTUKARAN LAWATAN ANTARA PARA PEGAWAI KEDUA-DUA NEGARA BAGI MENGERTAKAN LAGI HUBUNGAN YANG SEDIA TERJALIN.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN MENYAMPAIKAN \$100,000 (KIRA-KIRA DRL\$40,000 TONGA) BAGI KERJA-KERJA PEMULIHAN BERIKUTAN MALAPETAKA RIBUT ANGIN YANG MELANDA KEPULAUAN ITU MAC LALU. BENCANA ITU MEMUSNAHKAN KIRA-KIRA 90 PERATUS DARIPADA TANAMAN KELAPA DI PULAU UTAMA TONGATAPU.--BERSAMBUNG 1034/NB

9510:

MAHATHIR-LADANG 4 NUKU'ALOFA

PAGI INI DATUK SERI DR. SITI HASHAH, YANG KEMPUNYAI ATURCARA BERASINGAN, MELAWAT PUSAT ORANG-ORANG CACAT THE LOVE, FAITH AND HOPE TUI AMANAKI DI MANA BELIAU MENYAMPAIKAN \$5,000 (DLRS2,000 TONGA) UNTUK KEGUNAAN PUSAT TERSEBUT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN ROMBONGANNYA AAKAN BERLEPAS DARI TONGA DENGAN PENERBANGAN KHAS MAS DARI LAPANGAN TERBANG 'FUA' AKOTU MELINTASI GARISAN TARIKH ANTARABANGSA KE SAMOA BARAT BAGI PERI G- KAT TERAKHIR LAWATAN SEMINGGU KE PULAU -PULAU LAUTAN SELATAN. --  
BERNAMA 1044/OM